

**PEMBENTUKAN KOMPENEN UTAMA DALAM MODEL
MUALAFPRENEUR TERHADAP PEMBANGUNAN KOMUNITI
MUALAF**

**THE MUALAFPRENEUR MODEL FOR THE DEVELOPMENT OF THE MUALAF
COMMUNITY: FORMATION OF KEY COMPONENTS**

SYARUL AZMAN SHAHARUDDIN

syarulazman@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

MARIAM ABD. MAJID

mariam@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

MUHAMMAD YUSUF MARLON

yusufmarlon@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABUR HAMDI USMAN

aburhamdi@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

SITI NOR ATIQAH AMRAN

19mt09004@student.kuis.edu.my

Abstrak

Golongan mualaf selalu berhadapan pelbagai cabaran akibat keputusan memilih Islam sebagai agama antaranya diberhentikan pekerjaan, disingkirkan daripada keluarga, disisihkan dalam komuniti dan sebagainya. Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam serta NGO untuk membantu golongan mualaf meneruskan kehidupan mereka antaranya menerusi aktiviti keusahawanan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan mereka. Namun begitu pelbagai kekangan dihadapi oleh golongan mualaf dalam pelaksanaan aktiviti keusahawanan. Bagi mengatasi kekangan yang dihadapi golongan mualaf, satu model yang holistik perlu dibangunkan agar dapat dijadikan panduan kepada golongan mualaf yang ingin menaik taraf kehidupan mereka. Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis model keusahawanan Islam yang merangkumi kerangka Islam dan nilai-nilai Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Terdapat dua metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, analisis kandungan berdasarkan kajian-kajian lepas bagi pembentukan komponen utama model mualafpreneur. Seterusnya, pengesahan komponen utama model berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Berdasarkan dapatan analisis kajian mendapatkan empat komponen utama yang menepati keperluan mualafpreneur iaitu, pembangunan ilmu, pembangunan psikologi, pembangunan kemahiran dan latihan dan yang terakhir pembangunan modal. Diharapkan hasil kajian model mualafpreneur dapat memberi impak positif untuk pembangunan komuniti mualaf.

Kata kunci: Cabaran, Kompenen Utama, Model Mualafpreneur, Komuniti Mualaf, Holistik

Abstract

Mualaf suffer a variety of obstacles as a result of their choosing to follow Islam as their religion, including being sacked, having their family members removed from them, being alienated from the community, and so on. The Islamic Religious Council, Islamic Religious Department, and NGOs are all working to help Mualaf maintain their lives, including through business endeavours to improve their financial situation. Converts, on the other hand, encounter a number of challenges when it comes to implementing entrepreneurial activity. To help mualaf overcome their limitations, a holistic model must be established that can be used as a guide for mualaf who want to improve their lives. The purpose of this study is to examine the Islamic entrepreneurship model, which includes the Islamic framework as well as Islamic principles based on the Quran and Sunnah. In this investigation, two techniques were applied. To begin, a content analysis based on past research was conducted to determine the important components of the mualafpreneur model. The key components of the model are then validated using the Fuzzy Delphi (FDM) approach, which is based on expert agreement. According to the study's findings, there are four primary components that address the needs of mualafpreneurs: knowledge growth, psychological development, skills development and training, and capital development. It is envisaged that the findings of the mualafpreneur model study will have a favourable impact on the mualaf community's development.

Keywords: Challenges, Key Components, Mualafpreneur Model, Mualaf Community, Holistic

1.0 PENDAHULUAN

Peningkatan individu bukan Muslim yang memilih Islam sebagai agama dalam hidup kian bertambah saban tahun. Di luar negara jumlah mualaf menurut laporan yang dikeluarkan melalui Saudi Gazette bertarikh 13 Februari 1995 melaporkan bahawa di Amerika sahaja jumlah mualaf yang memeluk Islam dianggarkan 50 ribu orang setiap tahun. Orang Islam di Amerika dikatakan melebihi jumlah orang Yahudi iaitu melebihi 6 juta orang. Ia menjadikan Islam sebagai agama yang kedua ramai pengikutnya di Amerika Syarikat. Manakala Riyadh Daily bertarikh 14 April 1995 melaporkan di Britain dan Ireland pula dianggarkan kira-kira dua juta orang di mana 1/3 daripadanya kanak-kanak manakala 1/5 di kalangan belia. Di samping itu, dianggarkan lebih daripada seribu buah masjid dan beratus-ratus institusi Islam. Menurut Riyard Daily bertarikh 16 Jun 1995 melaporkan di Perancis penduduk Islam mewakili kira-kira 7% daripada keseluruhan penduduknya manakala 38% daripadanya berada di Paris atau sekitarnya. Begitu juga di Itali, terdapat kira-kira 650 ribu orang Islam dan sekurang-kurangnya ad 85 ribu di Rome. Ia menjadikan agama Islam sebagai agama kedua terbesar pengikutnya di Itali (Nawi Jusoh, 2006).

Statistik mualaf di Malaysia pula dianggarkan sebanyak 82,530 orang daripada pelbagai bangsa, etnik, budaya dan keturunan sejak tahun 1990 sehingga 2004 yang dikeluarkan oleh JAKIM. Manalaka individu yang memeluk agama Islam di PERKIM Pusat yang direkodkan dalam Buku Laporan Tahunan PERKIM yang dikeluarkan setiap tahun didapati hasil daripada laporan tersebut

statistik pengeislaman di PERKIM Pusat, Kuala Lumpur dari tahun 2002 sehingga 2012 adalah seramai 4,581 orang daripada pelbagai bangsa dan negara (Kawangit, 2016). Seterusnya, bilangan mualaf yang memeluk agama Islam di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) daripada tahun 2010 sehingga 2015 menunjukkan seramai 10,489 orang. Statistik juga menunjukkan daripada tahun 1995 hingga 2015 seramai 33,896 orang yang memeluk Islam di MAIS (Bahagian Pengurusan dan Pembangunan MAIS, 2015).

Berdasarkan statistik ini telah menimbulkan beberapa isu dan permasalahan berkaitan dengan diri mualaf setelah memeluk agama Islam. Dalam menjalani kehidupan yang baru, golongan mualaf tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang mampu menggugat keimanan sekiranya ia tidak benar-benar teguh. Pelbagai masalah yang harus dihadapi sama ada dari segi kewangan, emosi, adat, budaya, kekeluargaan, ekonomi, kerjaya, birokrasi, perundangan dan sebagainya. Masalah-masalah ini mampu merebak dan mengesani saudara baru kepada agama asal (murtad) sekiranya ia tidak ditangani dengan segera. Menurut Amran Abdullah (2012), menegaskan bahawa tidak ada susulan yang proaktif selepas pengislaman terutamanya di kawasan pedalaman. Para mualaf tidak mendapat didikan agama yang sempurna, tekanan akibat disisihkan keluarga serta birokrasi memohon bantuan di agensi kerajaan dan perundangan antara isu yang sudah lalu didengar, namun masih berlaku. Oleh itu, dicadangkan supaya menujuhan badan atau unit dalam membendung permasalahan mualaf di Malaysia.

2.0 KOMUNITI MUALAF SEBAGAI MUALAFPRENEUR

Mulafpreneur adalah gabungan antara dua patah perkataan Mualaf dan Entrepreneur. Mualafpreneur merupakan istilah baharu, tiada satu kajian menggunakan istilah mualafpreneur. Ini berdasarkan beberapa kajian menggunakan istilah muslimpreneur, antara kajianya Md Pazil, Muhammad, Othman & Abdullah (2019) selain itu, P. Rameli, Mohd. Amin, Sharif, Che Man & Mohd (2017) dalam kajiannya yang lain P. Rameli, Ab. Aziz, Kalsom Ab. Wahab & Mohd Amin (2014) dan banyak lagi.

Menurut Mohd Faizal P. Rameli, et.al (2014) dalam kajiannya Muslimpreneurs adalah gabungan dua perkataan iaitu Muslim dan entrepreneurs. Muslim adalah merujuk kepada individu yang mengamalkan dan melaksanakan kegiatan-kegiatan keusahawanan berlandaskan prinsip-prinsip dalam Islam. Dengan ini, relevan untuk menggunakan istilah Mualafpreneur kerana dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada individu yang bergelar mualaf di bawah program keusahawanan asnaf.

Mualaf merujuk kepada individu telah memeluk agama islam. Menurut Yusuf al-Qardawi (2001) mualaf ialah mereka yang telah memeluk Islam dan niatnya masih lemah, pemberian zakat untuk menguatkan iman mereka ataupun mereka telah memeluk Islam dan imannya telah kuat terhadap Islam dan mulia dan mulia di sisi kaumnya maka tidak perlu diberikan zakat. (Syarul Azman Shaharuddin, Zikmal Fuad & Ahmad Fauzi Mohd Shahar, 2015). Dalam konteks kajian ini mualaf merupakan responden dan golongan yang akan dibimbing dan di pandu oleh model ini. Selain itu, mualaf yang berdaftar di bawah program keusahawanan asnaf yang dikelolakan oleh Lembaga Zakat Selangor. Manakala preneur pula berasal daripada perkataan “entrepreneur” iaitu perkatan dari Perancis. Perkataan ini merujuk kepada individu yang melabur sesuatu produk dan

menjualnya di pasaran dengan harga tertentu yang bersesuaian dengan pasaran (Heera Mehwish Sukhera, 2018).

Justeru, satu modul perlu dibentuk untuk dijadikan rujukan oleh setiap institut zakat yang ingin menjalankan program keusahawanan kepada golongan Mualaf. Dalam modul latihan pembangunan keusahawanan Islam ini, terdapat empat bahagian yang utama dan sepuluh bahagian pecahan. Bahagian utama yang pertama adalah keinginan untuk menjadi usahawan. Para asnaf yang ingin menjadi usahawan asnaf akan melalui proses pada bahagian ini. Pada bahagian ini terdapat dua bahagian pecahan iaitu unit mengenal pasti bakat dan potensi diri usahawan asnaf dan unit motivasi muslimpreneur. Melalui bahagian ini, para asnaf boleh meningkatkan potensi diri bagi memulakan perniagaan dan para asnaf boleh meningkatkan motivasi perniagaan mereka melalui unit motivasi yang terdapat didalam bahagian ini. Jangka masa bagi bahagian ini adalah tiga hari dua malam. (Azman et, al, 2016)

3.0 METODOLOGI

Dalam mengimplementasikan kajian ini, pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR) digunakan. Pendekatan ini adalah bersandarkan kepada Richey dan Klein (2007) yang menegaskan bahawa sebuah kajian pembangunan adalah suatu kajian yang merangkumi proses yang amat teratur dan bersistematis di mana ia meliputi proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian sesuatu produk yang dihasilkan. Dalam konteks ini sebuah model Mualafpreneur memfokuskan kepada strategi keusahawanan Islam dalam melaksanakan sebuah perusahaan bagi komuniti mualaf dibangunkan.

Dasarnya, kajian ini dilaksanakan dengan dua peringkat iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan model yang diadaptasikan daripada buku *Design and Developmental Research: Emergent Trends in Educational Research* (2013).

Jadual 3.1 Kajian berdasarkan pendekatan DDR

Fasa	Kaedah
Fasa 1: Analisis Keperluan	Temu bual
Fasa 2: Reka Bentuk & Pembangunan	Kajian Literatur dan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)

3.1 Analisis keperluan

Sebelum kajian ini diterusan, pengkaji telah menjalani fasa satu iaitu analisis keperluan untuk mengakji sejauh mana model ini perlu dibangunkan. Pada peringkat ini dapat diperolehi diperolehi menerusi temu bual secara separa struktur terhadap 5 orang usahawan mualaf. Teknik pemilihan sampel adalah secara bertujuan dengan memilih informan daripada kumpulan homogenous tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria mualaf yang berkecimpung dalam perniagaan. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak,

informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkripsi temu bual yang disahkan dianalisis menggunakan tema dan sub tema. Tema dan sub tema tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan *Cohen Kappa*. Seramai tiga orang pakar dilantik untuk membuat semakan tema dan sub tema dan sub tema.

3.2 Reka bentuk dan pembangunan

Fasa ini terdapat dua sub fasa yang dijalankan iaitu sub fasa reka bentuk kompenan utama dengan elemen model serta sub pembangunan reka bentuk model. Kedua-dua fasa ini menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Pendekatan ini memerlukan pertemuan dengan pakar dan perlu dijalankan secara bersemuka dalam kumpulan melalui perbengkelan. Fasa ini memerlukan seramai 10 orang pakar untuk mendapat kesepatan. Berdasarkan Rosnaini (2006) 10 orang pakar memadai untuk kesahan.

Pemilihan pakar pula berdasarkan kriteria yang bersesuaian dengan konteks kajian. Menurut Swanson dan Falkman (1997) pemilihan pakar adalah individu yang sangat mahir dan berpengalaman dalam kajian. Seterusnya pengumpulan data dijalankan secara bersemuka dan menjalankan perbincangan melibatkan proses reka bentuk dan pembangunan model. Keperluan perbengkelan ini merupakan syarat pada fasa reka bentuk bagi menilai kompenan dan elemen bagi model MualafPreneur dan fasa pembangunan model yang mengguna pakai pendekatan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM).

Dapatan yang diperolehi dalam kajian menggunakan metod *Fuzzy Delphi* (FDM) bagi mengenalpasti, menilai dan mengesahkan kesemua kompenan utama berdasarkan kepada tiga syarat kesepakatan pakar iaitu:

- 1) Nilai *threshold* (d)
- 2) Peratus kesepakatan pakar
- 3) Nilai skor *Fuzzy* (A)

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat dua model sedia ada yang mendasari kajian di dalam reka bentuk model Mualafpreneur ini. Model yang terlibat adalah Model Keusahawanan Sosial Islam: Kajian Terhadap Usahawan Sosial Muslim Berjaya Di Malaysia (Boulven, et, al., 2017), Model Ciri-ciri Usahawan Berjaya (Shuhaimi Abdullah, 2013) dan sebuah kajian Usop et, al., (2018) berkaitan penentu pemacu daya saiang usahawan bumiputra di negeri Terengganu.

Berikut merupakan senarai komponen yang terdapat dalam keempat-empat model:

Model Keusahawanan Sosial Islam: Kajian Terhadap Usahawan Sosial Muslim Berjaya Di Malaysia:

1. Mencari Keredaan Allah di Dunia dan Akhirat
2. Konsep Keusahawanan Sosial Islam
3. Elemen Asas Usahawan Muslim Sosial
4. Elemen *Maqasid Syariah*

Model Keusahawanan Sosial untuk Usahawan Sosial Muslim:

1. Peranan Motivasi
2. Penglibatan Sukarelawan dan Bukan bentuk kerja amal
3. Pembinaan Nilai kepada Masyarakat
4. Kemampunan

Model Ciri-ciri Usahawan Berjaya:

1. Kriteria Khusus
 - i) Kreatif dan inovatif
 - ii) Kemampuan mengurus
 - iii) Berfikiran jangka masa panjang
 - iv) Motivasi
2. Kriteria Umum
 - i) Gaya hidup Islam
 - ii) Aktiviti halal
 - iii) Infaq keuntungan
 - iv) Mengamalkan nilai murni
 - v) Bertanggungjawab

Bagi reka bentuk model Mualafpreneur pula, terdapat satu komponen utama yang telah disesuaikan berdasarkan kepada ketiga-tiga model yang dinyatakan ini. Namun begitu, satu daripada komponen berdasarkan kajian lepas. Perbincangan seterusnya menunjukkan komponen-komponen utama yang digunakan dalam pembentukan model Mualafpreneur yang memfokuskan elemen keusahawanan Islam berkesan bagi mualaf yang mencebur dalam bidang keusahawanan.

4.1 Pembangunan Ilmu

Ilmu merupakan sebuah figura yang penting dalam ketamadunan manusia. Merujuk peradaban Islam, keperluan dunia sebagai platform mencapai keperluan ukhrawi dan mendapatkan keredaan Allah SWT. Keperluan ini didasari dengan pembangunan ilmu dalam diri individu sehingga peringkat negara. Pencapaian usahawan mempunyai hubungan yang signifikan dengan usahawan yang berilmu (Ab Ibrahim & Goodwin, 1986). Kekurangan ilmu pengetahuan akan menyebabkan mualafpreneur rendah diri dan tiada keyakinan diri dalam menguruskan perniagaan. Sekali gus ini menyebabkan mualafpreneur tertekan dan putus asa terhadap usaha mereka.

Kewajipan setiap individu muslim menuntut ilmu telah ditegaskan oleh Allah SWT menerusi perintahnya di dalam al-Quran. Manusia adalah makhluk yang istimewa, dianugerahkan akal untuk berfikir. Merujuk kamus dewan insan adalah manusia, manusia merupakan makhluk yang mempunyai akal budi dan insan (Baharom et. al, 2005). Menurut Ahmad Mohd Said dan Khalidah Salekan (2007); Mohamed dan Abu Bakar (2010) akal didefinisikan sebagai fikiran atau kebolehan manusia untuk berfikir dan mencapai ilmu, manakala budi adalah keupayaan manusia untuk diri menuju kearah matlamat modal insan yang lebih baik.

Tambahan pula, menurut Yaacob dan Azmi (2015) pembangunan ilmu terbahagi kepada dua iaitu ilmu naqli dan ilmu aqli. Ilmu naqli merupakan ilmu yang bersumberkan wahyu Allah SWT dan wajib bagi setiap individu muslim. Ilmu aqli boleh difahami sebagai ilmu fardu kifayah. Namun dalam kompenen ini hanya memfokuskan kepada ilmu naqli. Ini kerana, mualaf adalah individu yang perlu diberikan perhatian daripada sudut perkembangan ilmu agama, mengurus

emosi dan kewangan (Yahya, et al., 2021) . Oleh itu, pembangunan ilmu yang terdiri daripada akidah, ibadah dan akhlak ditekan dalam pembangunan ini.

4.2 Pembangunan Psikologi

Kesukaran mualafpreneur dalam mencari hakikat sebenar agama dan suasana baru sebagai seorang Islam memberi tekanan psikologi pada mualafpreneur (Shaharuddin et, al., 2020). Tambahan pula, menurut Kawi dan Abdullah (2020) cabaran ekonomi mencengkam mualafpreneur menyebabkan kemerosotan taraf dan kualiti hidup. Tekanan perasaan yang berlarutan akan mempengaruhi aktiviti rutin sehari-hari. Ini akan mengakibatkan mualafpreneur tidak dapat mengawal dan membentuk jati diri untuk memenuhi keperluan hidup (Kasim & Mansor, 2007). Sekali gus, membantutkan pencapaian matlamat dalam hidup. Oleh itu kajian melihat ini satu keperluan dalam pembangunan model mualafpreneur.

Merujuk kajian Lebar (1999) psikologi terbahagi kepada tiga elemen utama iaitu, psikomotor, kognitif dan afektif. Psikomotor perkara yang berkaitan dengan fisiologi atau jasad. Seterusnya kognitif merupakan hubungan akal fikiran manusia atau intelektual. Akhirnya, afektif unsur berkaitan dengan spiritual manusia. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan dua elemen iaitu kognitif dan afektif. Pengkaji melihat dua elemen ini signifikan dengan kepentingan mualafpreneur. Berdasarkan kenyataan Fadzil dan Yacoob (2017) motivasi memainkan peranan penting kepada proses penciptaan perniagaan baharu oleh usahawan. Menurut Yusuf al-Qardawi intelektual yang tinggi menghasilkan penciptaan baharu yang membawa faedah manusia sejagat (Sutopo, 2016).

Berdasarkan ini gabungan afektif dan kognitif mempunyai telepati yang serasi dalam komponen pembangunan psikologi. Afektif memainkan peranan penting dalam kajian ini, hal ini melihat kepada cabaran yang dihadapi oleh mualafpreneur. Afektif terbahagi kepada tiga item utama iaitu motivasi, sikap dan emosi. Menurut Fadzil dan Yacoob (2017) motivasi mempunyai hubungan dari aspek konsep kendiri individu tersebut. Hal ini akan mempengaruhi sikap dan emosi sehingga mencetuskan positiviti dalam aktiviti sehari-hari (Kasim & Mansor, 2007). Manakala kognitif keperluan kepada penerimaan mualafpreneur terhadap ilmu pengetahuan, berfikir, pemerhatian dan keupayaan mulafpreneur berinovasi dan menghasilkan idea yang kreatif (Arefah, 2016).

4.3 Pembangunan Kemahiran dan Latihan

Berdasarkan kajian lepas kemahiran dan latihan perlu diberi perhatian kepada mualafpreneur. Menurut kajian Azman Ab Rahman et. al (2014) terdapat empat masalah yang berpunca daripada diri usahawan dalam kalangan mualaf iaitu, bakat usahawan, motivasi diri usahawan, penjanaan idea perniagaan dan sikap usahawan. Hal ini juga dinyatakan oleh Amirul, Yusoff dan Mulok (2017) kebanyakannya antara faktor mualafpreneur gagal adalah kekurangan kemahiran dan ilmu dalam dunia perniagaan yang diceburi.

Selain itu, Hal ini kerana terdapat halangan dalam diri mualaf yang menghalang mereka daripada berjaya seperti kurang pengalaman, kurang pengetahuan dan kurang kemahiran dalam perniagaan. Antaranya ialah, kelemahan peserta dalam menguasai ilmu keusahawanan, kurang pengalaman dalam keusahawanan dan kurang kemahiran serta kreativiti dalam mengeluarkan produk yang mendapat tempat dipasarkan (Azman A.R, *et. al.*, 2016). Berdasarkan ini terdapat

kepentingan yang jelas terhadap penelitian kajian pembangunan kemahiran dan latihan kepada mualafpreneur agar menjadi individu yang mampu membina empayar sendiri.

Tambahan lagi, keusahawanan adalah semua aktiviti yang berkaitan dengan usahawan, kegiatan dan kemahiran dalam diri usahawan (Ibrahim et. al, 2005). Juliana, Rahayu dan Wardhani (2020) pula menyimpulkan bahawa usahawan dalam perspektif Islam adalah individu yang berkebolehan dengan ilmu dan kemahiran berteraskan nilai-nilai Islam. Begitu juga menurut Shaharuddin et. al., (2020) mualafpreneur yang berjaya mempunyai beberapa nilai muslimpreneur antaranya Antaranya mempunyai keinginan dan kesungguhan yang tinggi untuk berjaya. Kedua, mempunyai niat yang betul. Ketiga, mempunyai ilmu dan kemahiran yang mencukupi di dalam bidang yang diceburi. Keempat, mempunyai kemahiran membuat keputusan. Kelima, mempunyai kemahiran berkomunikasi. Keenam, sentiasa menilai tindakan dan berwaspada. Ketujuh, bersyukur dengan kejayaan. Terakhir, sentiasa menjaga kualiti.

Justeru komponen ini akan membina mualafpreneur yang berkebolehan dalam ilmu dan kemahiran tertentu, serta individu yang berusaha untuk meningkatkan ekonomi sendiri dan masyarakat. Sekali gus, menjadikan aktiviti keusahawanan sebagai paksi untuk menyebarkan nilai Islam melalui keusahawanan seperti seorang muslim (Mubarak, 2015; Salwa, Shahabuddin dan Jusoh 2013; Juliana, Rahayu dan Wardhani 2020).

4.4 Pembangunan Modal

Dunia keusahawanan merupakan medan yang amat mencabar dan mempunyai persaingan yang sengit. Sebuah perniagaan yang berjaya perlukan mualafpreneur yang berpengetahuan, berkemahiran dan modal perniagaan (Balwi, 2008). Mualafpreneur antara kelompok dalam kategori miskin jika tidak diberi perhatian. Ini kerana berdasarkan kajian Zainuddin (2016) kelompok tertentu akan menjadi miskin jika kekurangan tenaga, tanah dan modal tidak diambil berat. Kekurangan modal merupakan satu faktor kebekuan perkembangan perniagaan mualafpreneur (Amirul, Yusoff & Mulok, 2017).

Dasar permulaan perniagaan berpaksikan pengetahuan yang tinggi, berkemahiran dan mempunyai modal. Modal pula terbahagi kepada dua iaitu, modal prasarana dan modal kewangan (Amirul, Yusoff & Mulok, 2017)(Mapjabil et, al., 2020). Pembangunan modal merupakan satu komponen utama dalam pembangunan model mualafpreneur. Kemudahan prasarana merupakan elemen utama bagi memudahkan gerak kerja mualafpreneur dari sudut kedudukan gerai dan pengangkutan (Usop et, al., 2018). Selain itu menurut Usop et, al., (2018) mendedahkan mualafpreneur kepada sumber bantuan yang perlu dirujuk. Berdasarkan ini pengkaji melihat satu kepentingan untuk membina komponen pembangunan modal dalam kajian ini.

Dapatan pembangunan kompenen utama Model Mualafpreneur dalam Pembangunan Komuniti Mualaf Berdasarka Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)

Jadual 1.0 memaparkan dapatan kajian bagi komponen utama Model Mualafpreneur berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan analisis kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Dapatan kajian ini menunjukkan nilai threshold (d) dan peratusan kumpulan pakar. Hasil kajian menunjukkan Nilai Threshold yang terhasil mestilah lebih kecil atau sama dengan nilai 0.2. Dalam konteks kajian ini, tiga titik perpuluhan digunakan. Maka setiap item yang mengandungi nilai

threshold (d) yang tidak mencapai nilai 0.3 dan ke atas akan diterjemahkan sebagai di TERIMA berdasarkan kesepakatan pakar.

Bil	Komponen Utama	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Defuzzification Process</i>			Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold</i> , <i>d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	<i>m</i> 1	<i>m</i> 2	<i>m</i> 3	
1	Pembangunan Ilmu	0.064	100.0%	0.760	0.930	1.000	TERIMA
2	Pembangunan Psikologi	0.049	100.0%	0.860	0.980	1.000	TERIMA
3	Pembangunan Kemahiran dan Latihan	0.073	100.0%	0.780	0.940	1.000	TERIMA
4	Pembangunan Modal	0.049	100.0%	0.740	0.920	1.000	TERIMA
Cadangan Elemen daripada Panel Pakar							
1	Tiada						

Berdasarkan dapatan dan perbincangan di atas menjelaskan bahawa pembangunan komuniti mualaf terlebih dahulu difokuskan pembangunan ilmu, seterusnya pembangunan psikologi, pembangunan kemahiran dan latihan. Terakhir, pembangunan modal. Perkara ini penting bagi membantu komuniti mualaf dan pihak berwajib dapat membentuk mualafpreneur bersifat kendiri dan mampu mencipta peluang pekerjaan kepada komuniti.

6.0 KESIMPULAN

Keusahawanan merupakan satu bidang yang tidak lari daripada cabaran dan risiko. Mualafpreneur seharusnya diberikan bimbingan untuk menguruskan perniagaan dengan etika keusahawanan Islam. Dari sudut pemilihan pekerja, seharusnya terdapat pihak yang dapat membantu golongan mualaf untuk proses pemilihan pekerja. Cabaran yang lebih utama adalah soal emosi dan spiritual, golongan mualaf perlu penerapan nilai akidah yang benar supaya memahami nilai dan amalan Islam.

Selain itu, golongan mualaf tidak sewajarnya dibiarkan tanpa bimbingan. Masalah yang membengku mempengaruhi emosi mereka. Tambahan pula, mualaf merupakan individu dalam

proses mengenali Islam. Berdasarkan analisis kajian yang dijalankan. Jelas menunjukkan bahawa keperluan spiritual dan material. Cabaran komuniti mualaf saban hari meruncing. Fenomena kemiskinan mualaf harus ditangani dengan berhemah. Terutamanya dari sudut pembangunan ilmu, pembangunan psikologi, pembangunan kemahiran dan latihan serta pembangunan modal. Pembangunan ini memainkan peranan penting untuk membina jati diri komuniti mualaf.

7.0 PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2019. No Geran:2019/P/GPIK/GPZ-005, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) yang bertajuk Pembinaan Model Mualafpreneur dalam Pembangunan Komuniti Mualaf di Negeri Selangor. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

RUJUKAN

- Arafeh, L. (2016). An entrepreneurial key competencies' model. *Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 5(1), 1-26.
- Amirul, M., Yusoff, R., & Mulok, D. (2017). Cabaran yang dihadapi di kalangan usahawan AIM di daerah Tuaran: Pusat Nurul Bakti. *Proceedings of International Conference on Economics 2017 (ICE 2017)*, 470-479
- Ahmad Mohd Said & Khalidah Salekan. (2007). Pembangunan insan aspirasi dan realiti, Cet.1, Kuala Lumpur: Blue-T Communication Sdn. Bhd, h.4
- Balwi, M. A. W. F. M. (2008). Mobilisasi zakat dalam pewujudan usahawan asnaf: satu tinjauan. *Jurnal Syariah*, 16(3), 567-584.
- Fadzil, A. F. M., & Yaacob, M. R. (2017). Psikologi usahawan: Peranan motivasi kepada penciptaan perniagaan baharu E-Dagang. *Journal of Business And Social Development*, 5(1), 49-59.
- Ibrahim, A.B. & Goodwin, J.R. 1986. Perceived causes of success in small business. *American Journal of Business* 11(2): 41-50.
- Juliana, Rahayu, A., & Wardhani, Y. P. (2020). Muslimpreneur Intentions: Analysis of Family Background. 3(1), 10–15.
- Kawangit, R. M. (2016). Pembangunan Dakwah Muallaf Di Malaysia: Cabaran Dalam Masyarakat. *1st International Keynote Speech on Mualaf Development and Empowerment (De Mualaf)*.
- Kawi, K., Tan, N. A. T. M. I., & Abdullah, T. A. P. (2020). Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak [Issues and Challenges Mualaf in the Sarawak Islamic Religious Department]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(2), 28-43.

- Kasim, Tengku Sarina Aini Tengku, and Fadillah Mansor. "Keperluan motivasi dalam pengurusan kerja berkualiti dari perspektif pemikiran Islam." *Jurnal Usuluddin* 25 (2007): 103-124.
- Lebar, M. S. (1999), *Memahami Psikologi*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd., h. 45.
- Mohamed, R., & Abu, S. A. B. (2010). Pembangunan masyarakat kea rah kesejahteraan berteraskan pembangunan insan.
- Mapjabil, J., Johnes, J., Morshidi, N. A., Jonly, E. P., Phin, S. Y., & Wahit, N. N. I. (2020). Peranan Perniagaan Produk Berasaskan Hasil Ikan dalam Pembangunan Sosioekonomi Komuniti di Kimanis Papar, Sabah: The Role of Fish Based Product Business to Community Socioeconomic Development at Kimanis, Papar, Sabah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 20(1), 29-45.
- Mubarak., M., Z. (2015). Spiritualiti dan Kesejahteraan Insan: Motivasi Pencapaian Usahawan Berjaya di Kelantan. *Seminar Psikologi & Kemanusiaan*, 603–613. https://www.researchgate.net/profile/Mohd_Mubarak/publication/301651386_Spiritualiti_dan_Kesejahteraan_Insan_Motivasi_Pencapaian_Usahawan_Berjaya_di_Kelantan/links/57201ae08aeaced788ad469/Spiritualiti-dan-Kesejahteraan-Insan-Motivasi-Pencapaian-Usahawan-
- Ripin, M. N., & Mansur, N. H. (2010). *Keusahawanan Menurut Perspektif Al-Quran*. t.tp, t.pt <https://core.ac.uk/download/pdf/11786364.pdf>
- Sutopo, S. (2016). Analisis Hermeneutik Atas Pemikiran Yusuf Qardhawi Tentang Hadits-hadits Ekonomi. *IQTISHADIA*, 8(2).
- Salwa, A. B. U., Shahbudin, A. S., & Kamaruzaman, J. (2013). Religion and business values for muslimpreneurs. *Middle East Journal of Scientific Research*, 13(SPLISSUE), 61–68. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.13.1883>
- Yaacob, Y., & Azmi, I. A. G. (2015). Meneliti Hubungan Jihad Perniagaan dengan Pencapaian Usahawan Muslim Berjaya di Malaysia. *Jurnal Pengurusan (UKM Journal of Management)*, 44.
- Yahya, S. A., Abdullah, N., Mamat, S., Alias, A., & Johari, N. A. (2021). Hubungan penghayatan agama dan sokongan sosial terhadap tekanan dalam kalangan mualaf di melaka. *Jurnal'Ulwan*, 6(1), 22-38.
- Zainudin, M. Z., & MEMENUHI, T. D. S. (2016). *Pembangunan sosial melalui program pembasmian kemiskinan: kajian perbandingan antara kes di Melaka, Malaysia dan kes di Riau, Indonesia* (Doctoral dissertation, Institut Asia Eropah, Universiti Malaya).